

**ANUGERAH**  
24/01/2015

**PERDANA**

**RUKUN**

**TETANGGA**

**2014**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
1Malaysia.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman,  
Ketua Menteri Sabah,

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup,  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri;

Yang Berhormat Datuk Hajah Jainab bt Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Ayid  
Menteri Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh Bin Tun Said Keruak  
Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah,

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia  
Yang Dipertua Dewan Rakyat

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti Wakiman,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah,

Pemimpin-pemimpin masyarakat Tempatan,

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan  
dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, kita semua dari segenap lapisan masyarakat dapat berkumpul bersama di majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2014 yang cukup bermakna kepada warga Rukun Tetangga seluruh negara pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

juga kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kerajaan Negeri Sabah dan semua pihak yang telah menunjukkan kesungguhan dan iltizam yang tinggi untuk menjayakan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2014 ini. Ia merupakan satu pengiktirafan kepada warga Rukun Tetangga seluruh Malaysia yang telah memberikan komitmen dan sumbangan dengan cemerlang dalam pelaksanaan aktiviti perpaduan dan program kemasyarakatan di peringkat akar umbi.

3. Malaysia merupakan sebuah negara yang rakyatnya terdiri daripada masyarakat majmuk dengan lebih kurang 219 suku kaum yang mengamalkan anutan agama, budaya serta cara hidup yang berbeza. Oleh yang demikian, perpaduan yang kukuh dikalangan pelbagai kaum ini adalah merupakan tunjang utama untuk menentukan hala tuju pembangunan negara di masa depan. Kerajaan sentiasa menekankan unsur perpaduan yang jitu di kalangan rakyat dalam merangka setiap dasar yang dilaksanakan sama ada dalam bidang ekonomi, sosial, budaya, pendidikan, kesihatan, pertahanan dan politik.

4. Justeru dalam hal ini, Kerajaan juga telah merangka pelan strategi dan hala tuju yang jelas bagi setiap perancangan dan dasar negara dalam menghadapi dan menangani isu-isu dan masalah yang sering kali dibangkitkan oleh pihak-pihak yang mempunyai kepentingan peribadi dan mempunyai agenda tersendiri. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan nilai dan semangat perpaduan dalam komuniti ini dapat terus di pelihara tanpa di ganggu gugat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba menimbulkan suasana yang tidak tenteram dalam negara. Atas kesedaran inilah, maka aspek perpaduan telah diangkat sebagai agenda utama dalam usaha merealisasikan negara bangsa yang membangun dan maju dalam pelbagai bidang serta mempunyai identitinya yang tersendiri.

5. Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) dibawah Jabatan Perdana Menteri mempunyai falsafah yang jelas dari segi corak dan pentadbirannya dalam membangunkan negara yang akan melahirkan bangsa yang bermaruah dan memiliki identiti sendiri. Malahan mereka juga berkebolehan dalam segala aspek dan kemahiran yang diperlukan secara menyeluruh meliputi aspek mental, fizikal, material dan juga rohani.

6. Untuk tujuan itu, satu Akta telah digubal di Parlimen dan mula berkuat kuasa pada 22 Jun 2012 yang dikenali sebagai Akta Rukun Tetangga 2012. Ia merangkumi Akta yang berhubung dengan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS). Saya dimaklumkan sehingga Januari 2015 terdapat lebih kurang

7,137 unit Kawasan Rukun Tetangga dengan seramai 178,425 orang Ahli Jawatankuasa. Manakala SRS sebanyak 4,288 skim dengan peronda seramai 85,760 orang di seluruh negara.

7. Selain daripada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, peranan Rukun Tetangga (KRT) dalam menjaga keselamatan juga diperkasakan apabila Skim Rondaan Sukarela diiktiraf dan dipromosikan sebagai salah satu pelaksanaan utama dalam inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk meningkatkan keselamatan dan mencegah jenayah dibawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

8. Saya percaya warga Rukun Tetangga yang terdiri daripada pelbagai agama dan kaum, mempunyai amanah sebagai pewaris yang sewajarnya meneruskan perjuangan untuk memupuk dan menyuburkan perpaduan nasional yang telah terbina. Mereka yang menyertai Rukun Tetangga melakukannya atas rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap keamanan dan cintakan negara. Tanggungjawab ini amat besar dalam memastikan agar kemakmuran tanah air kita ini akan terus berkekalan dan terpelihara, khususnya untuk generasi kita yang akan datang.

9. Aspek keselamatan adalah merupakan antara isu utama yang perlu diberi perhatian dalam menjamin keharmonian dan kesejahteraan dalam sesebuah negara. Penubuhan Rukun Tetangga adalah merupakan antara kaedah yang dikenalpasti paling berkesan dalam menjamin tahap keselamatan sesuatu komuniti. Ianya memerlukan penglibatan menyeluruh masyarakat setempat dan ini sekaligus menyemaikan sifat “sense of belonging” terhadap sesuatu kawasan perumahan atau kampung dikalangan mereka. Amalan ini jelas membuktikan bahawa kesepaduan dalam sesebuah komuniti itu telah berjaya membantu mengurangkan kejadian jenayah dan masalah sosial di kawasan perumahan kerana ia menuntut tanggungjawab, keperihatinan dan komitmen bersama penduduk setempat seperti kata pepatah, “Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat”.

10. Sehubungan itu, dengan adanya aktiviti Rondaan Rukun Tetangga, saya yakin ia berupaya menangani masalah jenayah dan masalah sosial, di samping dapat mewujudkan hubungan perpaduan di kalangan penduduk setempat. Langkah ini ibarat serampang dua mata yang mampu bukan sahaja menurunkan kadar jenayah di kawasan perumahan, malahan dapat mengeratkan lagi silaturahmi dan perpaduan di kalangan penghuni-penghuni.

11. Selain itu, antara program penting yang juga ditekankan adalah penyediaan Taska Permata Perpaduan ditubuhkan di seluruh negara bagi menyediakan pendidikan berkualiti kepada kanak-kanak seawal umur empat tahun. Pada saya ia sememangnya memainkan peranan penting sebagai titik permulaan kepada usaha kerajaan ke arah menyatukan rakyat pelbagai kaum melalui pendidikan khususnya di peringkat kanak-kanak lagi. Sehingga kini terdapat 1,781 Tabika Perpaduan dengan kanak-kanak seramai 39,919.

12. Saya berharap di masa akan datang, agar program dan aktiviti Rukun Tetangga turut diperluaskan lagi bagi melaksanakan pelbagai aktiviti masyarakat yang lebih kepada kegiatan ekonomi. Aktiviti seperti ini berupaya melahirkan usahawan kecil serta menyediakan tenaga kerja yang berkualiti kepada masyarakat. Ia sekaligus dapat membantu menjana ekonomi penduduk setempat. Ini sedikit sebanyak akan memantapkan lagi fungsi dan peranan Rukun Tetangga di alaf baru ini.

13. Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua penerima-penerima Anugerah Perdana Rukun Tetangga Bagi Tahun 2014, pada hari ini dan diharap ia akan menjadi motivasi dan pendorong kepada setiap warga Rukun Tetangga untuk lebih gigih berusaha dan menyumbang tenaga dan fikiran dalam memajukan Rukun Tetangga di kawasan tuan-tuan dan puan puan. Semoga penganugerahan seperti ini akan memberi impak yang baik dalam memastikan Rukun Tetangga di negara kita akan sentiasa aktif dan memberikan komitmen dalam setiap program yang dilaksanakan di masa akan datang. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

14. Akhir kata sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan tahniah kepada YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di atas penganjuran majlis ini bagi meraikan warga Rukun Tetangga yang telah memberi komitmen dan menyumbang tenaga dalam memastikan keselamatan dan keharmonian rakyat dapat dipertahankan. Begitu juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan majlis ini.

Sekian, Terima Kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.